

**NILAI KEPAHLAWANAN DALAM TANGON TERPILIH SUKU
KIMARAGANG DI SABAH**
*Heroism Values in Selected Tangon of the Kimaragang
Community in Sabah*

¹JAMAIL MASADOR

²ABDUL HALIM ALI

³AZHAR WAHID

¹Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

^{2&3}Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

¹zammagk@gmail.com; ²halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Tarikh dihantar: 7 April 2021 / Tarikh diterima: 19 Mei 2021

Abstrak *Tangon* (cerita rakyat) sering diperdengarkan dalam masyarakat suku Kimaragang. Pada umumnya, cerita-cerita rakyat (*tangon*) suku Kimaragang melambangkan sosiobudaya, falsafah dan gambaran nilai kepahlawanan bagi masyarakat tersebut. Namun, dewasa ini, nilai-nilai yang terkandung dalam *tangon* sering dilupakan, terutama oleh generasi muda. Oleh itu, kajian ini memberi perhatian pada nilai-nilai kepahlawanan yang terkandung dalam cerita rakyat suku Kimaragang di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kajian lapangan dan temu bual untuk mendokumentasi *tangon*. Seterusnya, data akan dianalisis menggunakan pendekatan Alamiah salah satu pendekatan dalam teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang bagi memahami aspek-aspek kepahlawanan seperti keberanian, rela berkorban, semangat juang dan keterbukaan yang terkandung dalam cerita rakyat. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa elemen kepahlawanan penting dikuasai, terutama dalam norma masyarakat yang kucar-kacir demi mengangkat martabat diri dan menjaga kehormatan. Sememangnya, masyarakat suku Kimaragang pada masa lampau mengamalkan nilai-nilai kepahlawanan dalam kehidupan untuk memastikan sebuah kehidupan yang aman dan sejahtera. Mengaplikasi nilai-nilai kepahlawanan dalam kehidupan masa kini merupakan suatu daripada usaha untuk mengupaya dan mengekalkan warisan yang semakin dilupakan.

Kata kunci: *Tangon*, suku Kimaragang, nilai kepahlawanan, cerita rakyat.

Abstract The telling of ‘tangon’ (folklore) is a common practice in the Kimaragang community. In general, the ‘tangon’ of the Kimaragang symbolises the socio-culture, philosophy and description of the heroism values for the community. However, nowadays, the values in ‘tangon’ are often forgotten, especially by the younger generation. This study therefore focused on the heroism values as portrayed in the folklore of the Kimaragang. Using a qualitative approach, the field work and interview methods were utilised to document the ‘tangon’. Data was analysed using the Alamiah approach, one of the approaches in the ‘Pengkaedahan Melayu’ theory by Hashim Awang as a means to understand heroism aspects such as bravery, sacrificial spirit, fighting spirit, and openness as embodied in the folklore. The findings of this study prove that the element of heroism is important to master especially in the norms of a chaotic society in order to improve self-esteem and maintain honour. Indeed, the Kimaragang in the past practised heroism values to ensure a peaceful and prosperous life. Applying these values in life today is one of the efforts to activate and sustain an increasingly forgotten heritage.

Keywords: Tangon, Kimaragang community, heroism values, folklore.

PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan warisan tradisi yang diperturunkan dari generasi ke generasi sehingga kini. Menurut Muhammad Haji Salleh (2016), budaya Asia Tenggara banyak berkongsi tradisi lisan dan dilihat sebagai akar kepada kebudayaan. Dalam konteks di Sabah, Norjietta Julita Taisin (2015) telah mencatatkan bahawa masih ramai generasi tua daripada pelbagai etnik di Sabah yang menuturkan genre lisan, sama ada berbentuk cerita seperti mitos dan cerita rakyat, mahupun genre lisan bukan bercorak cerita seperti puisi tradisional dan nyanyian rakyat.

Tradisi lisan dikatakan membawa pengertian yang lebih luas, meliputi bahan naratif dan non-naratif, dan apa-apa juga bentuk ekspresi lisan sesuatu budaya. Di dalamnya termasuk cerita lipur lara, cerita jenaka, mitos, legenda, peribahasa, pantun, nyanyian rakyat dan sebagainya (Ezzah Affifah & Che Ibrahim, 2015). Sementara sastera rakyat ialah sebahagian daripada tradisi

lisan yang dapat difahami sebagai ekspresi budaya yang menggunakan bahasa dan mempunyai hubungan langsung dengan berbagai-bagai aspek budaya seperti agama dan kepercayaan, undang-undang, keperluan masa lapang, kegiatan ekonomi, sistem keluargaan dan susunan nilai sosial masyarakatnya (Ezzah Afifah & Che Ibrahim, 2015). Oleh itu, tradisi lisan berfungsi sebagai sistem menyatakan pelbagai keinginan bawah sedar, angan-angan terpendam, sebagai pengesahan kebudayaan, sebagai alat pemaksa berlakunya norma-norma sosial dan alat pengendali sosial yang dibenarkan oleh masyarakat.

Pengkaji *folklore* ternama Indonesia iaitu Dananjaja (dlm. Dewi Rukmini, 2009) menyatakan bahawa sastera rakyat terdiri daripada cerita lipurlara, cerita teladan, cerita binatang, cerita jenaka, mitos dan legenda. Selain itu, menurut Umar Junus (dlm. Minah Sintian, 2014), karya sastera lisan adalah dokumen sosiobudaya yang mencatatkan kenyataan sosiobudaya suatu masyarakat pada masa tertentu. Walau bagaimanapun, sastera rakyat selaku karya sastera lisan mempunyai logik tersendiri yang mungkin tidak sesuai dengan logik umum. Oleh itu, unsur-unsur dalam karya sastera itu tidak semestinya menggambarkan unsur sosiobudaya masyarakat tersebut. Dalam erti kata lain, karya sastera lisan bukanlah dokumen autentik untuk melihat keadaan sosiobudaya tertentu (Minah Sintian, 2014). Namun, kesusasteraan lisan menurut Muhammad Haji Salleh (2002) tetap merupakan perakam ilmu sesuatu bangsa.

Sementara itu, Aripin Said (dlm. Minah Sintian, 2014) menyebutkan peranan sastera rakyat sebagai alat kawalan sosial dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana *tangon* (cerita rakyat) sarat unsur nasihat, pengajaran dan teladan sebagai panduan dalam pembentukan hidup masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Terdapat banyak persamaan antara cerita rakyat (*tangon*) suku Kimaragang dengan cerita rakyat suku lain. Dalam konteks ini, maka jelaslah membuktikan bahawa cerita rakyat (*tangon*) suku Kimaragang sarat dengan nilai falsafah atau pemikiran yang mampu membentuk moral dan akhlak yang berharga kepada masyarakat suku Kimaragang dari zaman dahulu hingga ke hari ini. Jika pemikiran *tangon* itu dikaji dan dianalisis, jelas dapat memberi gambaran tentang sistem masyarakat dan nilai budaya serta falsafah pemikiran yang diamalkan

oleh suku tersebut dan memanfaatkannya untuk kelestarian budaya pada masa akan datang.

Sehubungan dengan itu, *tangon* (cerita rakyat) suku Kimaragang yang diperturunkan sejak zaman dahulu sememangnya menitikberatkan nilai kepahlawanan yang mampu membangkitkan nilai murni seperti semangat juang dan keberanian. Wikipedia Bahasa Melayu (2020) mendefinisikan pahlawan sebagai seseorang yang menunjukkan perwatakan yang gagah dan berani dalam melakukan perjuangan demi membela sesuatu yang dianggap benar pada pendiriannya. Oleh hal yang demikian, cerita rakyat daripada suku ini tidak boleh dilihat sebagai cerita untuk menghiburkan sahaja kerana perutusannya tetap bernilai tinggi dan memberikan pengajaran.

Secara ringkasnya, makalah ini hanya menyoroti *tangon-tangon* yang dimiliki oleh suku Kimaragang dari aspek kepahlawanan. Suku Kimaragang merupakan subetnik bagi etnik Kadazandusun di Sabah. Masyarakat ini mendiami daerah Kota Marudu dan daerah Pitas di Sabah. Sementara itu, Janathan dan Low (2016) mengatakan asal usul keturunan Kadazandusun juga dikaitkan dengan rumpun Austronesia. Austronesia merupakan kumpulan penduduk yang terdapat di Oceania dan Asia Tenggara.

PENYATAAN MASALAH

Pada masa kini, mitos (cerita rakyat) dianggap sebagai dongeng dan ceritanya penuh pembohongan, tahuul serta tidak masuk akal. Terdapat pula tanggapan bahawa karya sastera tradisional dianggap tidak lagi relevan untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran generasi pada masa kini. Hal ini memberi bayangan bahawa aspek positif kepahlawanan yang terkandung dalam *tangon* (cerita rakyat) juga diragui dan dipandangan tidak berfaedah sesetengah golongan kerana beranggapan *tangon* hanyalah suatu yang lapuk, dogeng dan kuno. Sedangkan ramai sarjana memperakui bahawa karya sastera mempunyai unsur tersurat dan tersirat yang tidak berhasil dengan kekosongan makna (Arba'ie Sujud, 2008). Demikian juga pandangan Mohamad Mokhtar Hassan (2005) yang menyebutkan bahawa karya sastera adalah rakaman imaginasi pengarang yang sarat dengan maklumat dan isian bersifat intelektual dan kerohanian. Justeru, kajian ini

akan membuktikan bahawa *tangon* yang dimiliki oleh suku Kimaragang yang tergolong dalam kelompok cerita lisan ini sebenarnya mempunyai unsur positif khususnya dari sudut nilai kepahlawanan yang boleh memberi pengajaran dan pemikiran baharu kepada generasi baharu masyarakat suku Kimaragang khasnya dan masyarakat umum amnya.

SOROTAN KAJIAN

Elemen nilai kepahlawanan yang terkandung dalam cerita rakyat suku Kimaragang belum dikaji secara mendalam. Namun, cerita-cerita rakyat daripada etnik lain telah banyak dilakukan seperti Minah Sintian (2014) dalam artikel jurnal bertajuk “Personaliti Ibu Bapa dalam Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun” telah memerihalkan pengaruh cerita rakyat Kadazandusun dalam membentuk personaliti ibu bapa. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Gallus dan Low (2016), iaitu berjudul “*Tangon* Dusun Liwan: Suatu Analisis Tema,” yang membuat rumusan bahawa tema cerita-cerita rakyat bagi suku ini menjurus kepada mendidik melalui nilai-nilai moral yang terkandung di dalamnya, termasuklah nilai-nilai keberanian dan semangat juang.

Penelitian oleh Nur Kayati (2017) melalui artikel jurnal berjudul “Nilai Kepahlawanan dalam novel *Hanoman* Karya Potoyo Amrih Pendekatan Sosiologi Sastera dan Implementasinya sebagai Bahan Ajar Sastera di ID” telah membangkitkan betapa pentingnya nilai kepahlawanan sebagai salah satu jenis nilai pendidikan yang turut membantu membina karakter anak bangsa. Penelitian ke atas novel yang berasaskan cerita Hanoman dalam cerita Ramayana ini telah menerangkan bahawa nilai kepahlawanan merupakan satu hal yang harus diteladani kerana seiringan dengan perkembangan zaman tidak jarang orang semakin menjadi individualistik. Kajian ini bertujuan menganalisis aspek kepahlawanan Hanoman yang memberi pengajaran dalam khalayak pembaca masa kini. Hasil dapatan membuktikan bahawa setiap cerita seperti legenda Hanoman ini menyerahkan nilai kepahlawanan seperti bersifat tidak sombong, berakhhlak mulia, rela berkorban dan bertanggungjawab yang boleh diteladani dalam kalangan pembaca atau pendengar.

Penelitian awal oleh Low Kok On (2003) dalam kajian kedoktorannya yang bertajuk *Membaca Silam Kadazandusun Berasaskan Mitos dan Legenda* menyentuh tentang legenda naga di Gunung Kinabalu, yang kemudiannya menceritakan hubung kaitnya dengan asal usul Kadazandusun dan bagaimana mitos dan legenda itu mempengaruhi pemikiran etnik tersebut. Aspek kepahlawanan sedikit sebanyak telah disentuh. Contohnya, watak utama dalam legenda Nabalu dengan berani ingin merampas mutiara dari mulut seekor naga merupakan manifestasi sifat keberanian dan perjuangan.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd. Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) dalam artikel jurnal bertajuk, “Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Melalui Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu” dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu. Sementara itu, Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifuddin Yusop (2015) dalam artikel jurnal yang berjudul, “Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu” telah mengenal pasti dan membincangkan nilai jati diri yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Antara nilai jati diri yang dibincangkan ialah aspek kepahlawanan seperti keberanian.

Penelitian seterusnya telah dilakukan oleh Nensilia Makrina Tana, Gisela Nuwa dan Abdul Muis (2020) dalam artikel jurnal berjudul, “Menggali Nilai-nilai Kepahlawanan Mo'an Teka Iku” ditinjau dari aspek Pembelajaran PKn telah membuat kajian tentang nilai-nilai kepahlawanan Mo'an Teka Iku di Indonesia sebagai tokoh masyarakat dan budaya yang menentang penjajahan Belanda. Kajian mendapati, nilai-nilai kepahlawanan yang dimiliki tokoh tersebut termasuklah rela berkorban, bersemangat juang, keterbukaan dan berani. Melalui pendekatan kualitatif, pengkaji telah menemu bual beberapa tokoh masyarakat untuk mendapatkan data primer dan membuat rujukan daripada bahan-bahan bercetak untuk memperoleh data sekunder.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengklasifikasikan aspek kepahlawanan yang terdapat dalam *tangon* (cerita rakyat) terpilih, selain menganalisis aspek positif kepahlawanan yang terdapat dalam *tangon* (cerita rakyat) dengan penggunaan Pengkaedahan Alamiah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah temu bual dan dokumentasi lapangan. Dalam hal ini, pengkaji telah menemu bual beberapa orang informan yang memenuhi kriteria pemilihan informan untuk mendapatkan data primer. Perakaman bahan *tangon* telah dilakukan, kemudian ditulis dan diolah semula oleh pengkaji melalui kaedah dokumentasi. Bahan-bahan yang didokumentasi dianalisis melalui kaedah analisis kandungan dengan bantuan informan. Menurut A. Halim Ali (2019), kaedah analisis kandungan adalah satu kaedah yang sesuai bagi memahami isi kandungan teks, dokumen atau data hasil temu bual. Isi kandungan yang difokus dalam analisis ini ialah nilai kepahlawanan. Nilai kepahlawanan telah dianalisis dan ditafsir berdasarkan Pendekatan Alamiah. Pendekatan ini adalah salah satu kaedah yang dikemukakan oleh Hashim Awang dalam teori Pengkaedahan Melayu (2002) yang memberi panduan untuk memahami kehidupan masyarakat Melayu dan hubungannya dengan alam sekitar berdasarkan simbol-simbol dan tanda-tanda yang berkait rapat dengan kepercayaan dan amalan kehidupan masyarakat.

Teori Pengkaedahan Melayu

Teori ini telah dikemukakan oleh Hashim Awang (2002), iaitu salah satu daripada teori mandiri selain Puitika Sastera Melayu, Takmilah dan sebagainya (Hamdan Yahya, 2012). Sementara itu, Mana Sikana (dalam Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2017) menyatakan bahawa teori ini merupakan satu pendekatan sastera Melayu yang bertunjangkan daya kreatif, penghasilan sastera yang kaya, keakraban dengan gejala alam dan kehalusan budi Melayu. Melalui teori Pengkaedahan Melayu ini, Hashim Awang telah membahagikan teori ini kepada dua pengkaedahan, iaitu

Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan (Abdul Halim Ali, 2016). Terdapat enam pendekatan di dalamnya, iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral, Pendekatan Firasat, Pendekatan Kemasyarakatan, Pendekatan Seni dan Pendekatan Dakwah (A. Halim Ali, 2018).

Dalam konteks kajian ini, Pengkaedahan Alamiah dimanfaatkan dengan memberi tumpuan khusus kepada ketiga-tiga aplikasinya iaitu Pendekatan Firasat, Pendekatan Moral dan Pendekatan Gunaan. Pendekatan Firasat dalam Teori Pengkaedahan Melayu bertitik tolak daripada tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang ditulis berkaitan hidup penulis (Hashim Awang, 2002). Dalam hal ini, Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016) telah memetik pendapat Hashim Awang dengan lebih lanjut tentang Pendekatan Firasat. Menurut Roslina dan Aone, Pendekatan Firasat ditunjangi dengan pendapat bahawa sastera merupakan suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup. Kejadian tersebut diumpamakan sebagai mimpi, iaitu pengalaman hidup yang penuh misteri. Pencarian makna mimpi itu merupakan suatu upaya mencari makna melalui tafsiran lambang atau alamat yang tersurat mahupun yang tersirat. Sifat-sifat zahir atau sistem tanda dan lambang perlu dianalisis untuk mendapatkan makna di sebaliknya.

Bertepatan dengan proses penciptaanya, sastera juga menyerupai kejadian suatu mimpi. Mimpi merupakan suatu kejadian alam yang mempunyai makna dan maksud, yang penemunya itu hanya dapat dikerjakan melalui proses takbir dan tafsir (Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud, 2017). Menurut Hashim Awang (A. Halim Ali, 2018), Pendekataan Gunaan merujuk kepada kewujudan objek alam yang mengandungi pelbagai manfaat, hikmat, fungsi dan kegunaan kepada manusia atau khalayak di samping alam digunakan sebagai sumber ilham pengarang diterapkan ke dalam sesebuah karya sastera.

Sementara Pendekatan Moral pula menekankan kejadian alam sebagai pengalaman hidup. Sastera dalam hal ini dapat memberikan manfaatnya, menyingkap dan memberikan pengalaman. Pengalaman-pengalaman tersebut biasanya terdiri daripada dua hal utama, iaitu peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh manusia-manusia tertentu, dan maklumat-maklumat

yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitarannya. Menerusi hal pertama terserah pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang dialami untuk dinilai aspek-aspek positif dan negatifnya (Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven, 2016).

ANALISIS DAN DAPATAN

Kajian ini membincangkan nilai kepahlawanan menerusi ciri keberanian, rela berkorban, kasih sayang, semangat juang dan keterbukaan. Antara cerita rakyat (*tangon*) suku Kimaragang yang dibataskan adalah *Si Ganuk*, *Si Dampayak Pakou* dan *Ih Sambarak om Tasu* yang didokumentasikan daripada informan terpilih. Untuk lebih lanjut, kepahlawanan adalah suatu sikap mulia yang menunjukkan jiwa atau sifat kewiraan, kependekaran, kesatriaan, keperwiraan, keperajuritan, kegagahan, keberanian dan keperkasaan seseorang dalam mempertahankan sesuatu yang amat disayangi. Nilai kepahlawanan merupakan suatu sikap dan perilaku perjuangan yang dianggap bernilai dan amat dituntut dalam sesebuah masyarakat. Pahlawan merupakan seorang yang berjasa kerana hasil perjuangannya akan memberi manfaat kepada orang lain, sama ada dalam mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran kerana dinilai mulia (Nensilia Makrina Tana, Gisela Nuwa & Abdul Muis Kasim, 2020).

Sementara nilai boleh difahami sebagai ukuran yang diberikan individu tentang sesuatu atau perlakuan, baik dan buruk, halus dan kasar, tinggi dan rendah, dan cantik atau tidak berasaskan kepada kelaziman dalam sesuatu masyarakat. Sementara itu, Zainal Kling (1980) menyatakan nilai pada asasnya merupakan tanggapan yang mempengaruhi corak pilihan terhadap bentuk, alat dan matlamat tindakan.

NILAI KEPAHLAWANAN

Secara ringkasnya, nilai-nilai kepahlawanan yang dibincangkan dalam makalah ini adalah seperti berikut:

Keberanian

Konsep keberanian secara umumnya adalah sifat yang gagah berani, tidak takut dan gentar apabila berhadapan dengan halangan untuk memperoleh suatu kebenaran. Al Ashadi dan Saptiana (2018), telah merumuskan pendapat Budiyono (2007) tentang ciri-ciri yang menggambarkan keberanian sebagai seseorang yang berjiwa besar, tidak takut, mempunyai ketenangan, bersifat sabar, murah hati, perkasa dan memiliki daya tahan. Seterusnya, Budiyono merumuskan keberanian adalah tekad untuk tetap mempertahankan sikap yang telah diyakini sebagai kewajipan dan tanggungjawab. Seseorang yang bersikap pemberani memiliki fikiran yang matang, mampu memotivasi orang lain, bersikap rendah hati dan kesediaan menanggung risiko dan sentiasa konsisten. Nilai keberanian ini diserlakan melalui tokoh-tokoh dalam *tangon*. Misalnya, dalam *tangon* Si Ganuk, tokoh utamanya dengan berani melawan musuh.

Rela berkorban

Rela berkorban ditafsirkan sebagai bersedia melakukan sesuatu dengan ikhlas, senang hati tanpa mengharapkan imbalan. Dalam keadaan tertentu, sikap rela berkorban memerlukan seseorang memberikan segala yang dimiliki sekalipun menimbulkan kesan negatif kepada diri sendiri. Nilai rela berkorban dapat dilihat melalui pengorbanan tokoh-tokoh utama dalam *tangon* terpilih. Contoh, watak Si Ganuk sanggup memenculkan diri demi keselamatan kelompok masyarakatnya daripada dijangkiti penyakit batu kering yang dihidapinya.

Semangat juang

Edwin Mirza (dalam Nensilia, Gisela & Abdul Muis, 2020) menjelaskan semangat juang merupakan sikap yang menunjukkan naluri dalam berjuang. Semangat juang timbul dari keinginan seseorang yang mendesak untuk mendapatkan sesuatu. Nilai semangat juang muncul dalam diri individu ketika dia menggunakan waktu yang ada dengan sebaik-baiknya untuk sesuatu kepentingan tanpa menyerah kalah kepada halangan. Aspek semangat juang dapat dilihat melalui perjuangan tokoh-tokoh dalam cerita

seperti Si Dampayak Pakou. Semangatnya melawan musuh yang menyerang kampung merupakan sifat terpuji yang boleh diteladani dalam konteks masyarakat masa kini.

Kasih sayang

Kasih sayang didefinisikan sebagai perasaan cinta dan sayang dalam diri manusia untuk menyayangi antara satu sama lain. Menurut Norita Ariffin (dlm. Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd. Sharifuddin Yusop (2015), kasih sayang bermaksud perasaan halus dan belas kasihan yang timbul daripada hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya. Dalam hal ini, tindakan anjing-anjing dari kayangan untuk membela nasib Sambarak dan ibunya dalam *tangon* Sambarak om Tasu, merupakan suatu pernyataan kasih sayang sesama makhluk. Kasih sayang yang ditunjukkan oleh golongan kayangan (golongan dianggap suci) merupakan suatu petanda bahawa tiadanya sempadan kasih sayang di antara makhluk ciptaan Tuhan.

Keterbukaan

Keterbukaan menurut Wikipedia Bahasa Melayu (2020), adalah konsep atau falsafah menyeluruh yang dicirikan oleh penekanan pada ketelusan dan kerjasama. Dengan erti kata lain, keterbukaan merujuk kepada “kebolehaksesan pengetahuan, teknologi dan sumber lain, ketelusan tindakan; kebolehtelapan struktur organisasi; dan keterlibatan penyertaan”. Sehubungan dengan hal ini, sikap Si Ganuk dalam *tangon* Si Ganuk yang sentiasa menerima umpanan dan cercaan masyarakat kampungnya merupakan bayangan kepada sikap yang sentiasa terbuka dengan pendapat orang lain.

KONSEP KEPAHLAWANAN

Baumeister dan Bushman (2014: 326) mendefinisikan pahlawan sebagai “*a civilian who voluntarily risk his or her own life, to an extraordinary degree while saving or attempting to save the life of another person....*” Pendapat ini bersesuaian dengan pendapat Siti Khomsah (dalam Nensilia

et al., 2020) yang mengatakan pahlawan adalah seorang yang berjasa yang perbuatannya memberi manfaat kepada orang lain, berpengaruh terhadap tingkah laku orang lain kerana dinilai mulia dan memberi impak kepada bangsa dan manusia lain.

Fungsi *tangon* lebih terserlah apabila cerita tersebut berkaitan dengan nilai kepahlawanan diperdengarkan. Cerita rakyat tersebut membangkitkan semangat patriotisme, menguatkan mental dan semangat untuk berjuang untuk menegakkan kebenaran.

Semangat kepahlawanan seseorang tokoh banyak diceritakan dalam cerita rakyat dalam kalangan masyarakat suku Kimaragang. Contohnya, *tangon Si Ganuk* telah menonjolkan semangat kepahlawanan untuk mempertahankan keamanan kampungnya. Secara amnya, fungsi *tangon* ini diperdengarkan adalah untuk membangkitkan semangat kepahlawanan yang positif seperti bersemangat kental dan berusaha untuk memajukan diri dalam bidang ekonomi dan pendidikan.

Menurut informan Mabin Kandok (2020), cerita rakyat *Si Ganuk* mengisahkan tentang seorang pemuda miskin, berpenyakit dan yatim piatu yang dipinggirkan oleh masyarakatnya. Pemuda miskin ini menghidap penyakit batuk kering yang kronik. Untuk mengelak cercaan dan hinaan yang tidak berperikemanusiaan dalam suku kaumnya, dia telah memencarkan diri di pinggir desa. Untuk menampung kehidupannya, pemuda itu bekerja di kebun-kebun ubi yang dimiliki kejiran yang sebahagiannya bersimpati dengan dirinya. Oleh hal yang demikian, satu-satunya peralatan pertanian yang dimilikinya adalah sebilah parang (*tuukad*) yang diwarisi daripada keluarganya. Berdasarkan maklumat ini, dapat disimpulkan bahawa masyarakat suku Kimaragang pada tahap primitif tetap melakukan penindasan terhadap orang lain. Perkara ini berlaku disebabkan oleh faktor desakan kemiskinan, faktor hubungan dengan alam dan kesedaran tentang bahayanya penyakit yang ditanggung oleh seseorang. Namun, golongan yang ditindas tetap menunjukkan kesetiaan kepada masyarakatnya, dan sedia berkorban nyawa apabila diperlukan, terutama melawan musuh yang berusaha memecahbelahkan kehidupan mereka. Misalnya, *Si Ganuk* yang bertindak mempertahankan sukunya daripada musuh luar.

Aspek kepahlawanan dalam masyarakat ini ditonjolkan melalui amalan memenggal kepala. Aktiviti memenggal kepala memang menjadi amalan budaya pada waktu tersebut. Aktiviti ini terpaksa diharungi demi kelangsungan hidup. Keadaan masyarakat sangat huru-hara dan diselubungi ketakutan, terutama apabila musuh nombor satu kaum ini, iaitu seorang *pengayau* yang bernama Si Lontongan, berkali-kali menyerang perkampungan mereka.

Sementara itu, menurut informan Benson Tuyundo (2020), *tangon Si Dampayak Pakou* menampilkan watak seorang pemuda yang berpinggul besar, sehingga dikatakan kulit pinggulnya itu hampir mencecah tanah, tetapi mempunyai keazaman yang kuat. Diceritakan bahawa pada zaman tersebut amalan memotong kepala sedang berleluasa dan merupakan amalan turun-temurun. Serangan dari pihak musuh bertubi-tubi menyerang ke atas desa mereka. Musuh yang menyerang untuk memburu kepala ahli masyarakat Kimaragang sering mendapat tentangan yang sengit. Namun, mereka sering mengalami kekalahan. Maka, suatu hari Si Dampayak Pakou berazam untuk menewaskan musuh yang menyerang kampung mereka.

Hasrat pemuda berpinggul besar dan berat itu sering mendapat ejekan dan hinaan kerana fikir mereka dia tidak mungkin dapat melompat tinggi disebabkan keadaan isi pinggulnya yang memboyot dan berat itu. Atas keazaman dan keberanian, Si Dampayak Pakou mampu menewaskan ketua kumpulan musuh tersebut. Sikap yang ditonjolkan oleh watak utama *tangon* ini menunjukkan adanya nilai kepahlawanan tertanam dalam jiwa sejak lahir. Masyarakat terdahulu sentiasa terdedah dengan peristiwa dan kejadian yang secara tidak langsung mendidik jiwa mereka dengan kesabaran dan berusaha gigih demi memenuhi tuntutan kehidupan. Menurut Hashim Awang (1997), masyarakat Melayu pada tahap primitif memiliki keistimewaan menerusi kehidupan yang tersangat erat dan intim dengan alam. Alam menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Dengan demikian, mereka sangat sensitif terhadap persekitaran, kejadian atau peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Perkara ini dibuktikan melalui watak Dampayak Pakou, yang mana walaupun dia dalam keadaan serba kekurangan (cacat), tetapi watak itu tetap peka dengan kejadian di sekelilingnya, malah sedia untuk bangkit berjuang mempertahankan keamanan persekitarannya (kampung).

Nilai kepahlawanan melalui ciri keberanian

Keberanian ditafsirkan sebagai kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah hati seperti keterangan oleh Tajul Ariffin Nordin dan Nor'aini Dan (dalam Mohd. Firdaus & Normaliza Abd Rahim, 2014). Sementara Al-Ashadi dan Saptiana (2018), mendefinisikan keberanian adalah sifat yang gagah berani dan tidak pernah gentar menghadapi tentangan. Dari sudut positif, keberanian ditunjukkan untuk membela kebenaran dengan penuh ketenangan dan ketabahan. Konsep keberanian secara umumnya adalah sifat yang gagah berani, tidak pernah takut dan gentar menghadapi tentangan. Keberanian adalah suatu tindakan memperjuangkan sesuatu yang dianggap penting. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Budiyono (dalam Al Ahhadi Alimin & Saptiana Sulastri, 2018: 2) yang mengatakan keberanian adalah kualiti jiwa yang tidak mengenal rasa takut kepada kritikan, tetapi membuat orang melanjutkannya dengan ketenangan dan ketabahan dalam menghadapinya.

Dalam *tangon Si Ganuk*, watak utamanya memencarkan diri dengan penuh kesabaran dan keberanian. Kematian ibu bapanya menyebabkan hidupnya terumbang-ambing. Penduduk kampung juga tidak mampu menanggung kehidupanya kerana mereka juga dalam kemiskinan dan sentiasa dalam ketakutan. Sewaktu kanak-kanak Si Ganuk banyak merayau di kolong-kolong rumah kejiran dan mengutip sisa-sisa makanan. Oleh sebab itulah, dia dihinggapi penyakit batuk kering yang kronik. Hampir setiap saat dia tersengguk-sengguk batuk. Batuknya yang tidak henti-henti itu mengganggu kehidupan orang kampung. Apatah lagi seluruh masyarakat tersebut takut kalau-kalau dijangkiti oleh penyakitnya itu pula.

Dengan penuh keberanian dan kesedaran, Si Ganuk memencarkan diri di pinggir desa. Mendiami sebuah pondok tinggal tanpa dipedulikan oleh sesiapa. Dia mengambil keputusan itu dengan berani demi menjaga hati suku kaumnya. Untuk menampung hidupnya, Si Ganuk bertanam ubi kayu. Oleh hal yang demikian, nilai keberanian perlu disemai ke dalam diri sejak zaman kanak-kanak lagi. Nilai keberanian ini boleh menjadi tembok yang kukuh dalam memerangi dan melindungi sesuatu perkara yang tidak diingini dalam menjalani kehidupan dapat dilihatkan dalam Petikan 1;

Petikan 1:

“Kononnya, ada seorang lelaki yang sangat baik di negeri itu. Lelaki itu bernama Si Ganuk. Ganuk belum berkeluarga. Namun lelaki itu menghidap penyakit batuk kering yang teruk. Oleh sebab penyakitnya itu, dia dipinggirkan oleh kaumnya. Maka Si Ganuk tinggal memencilkan diri di hujung kampong. Dikatakan bahawa, si Ganuk tidak dapat tidur lena kerana setiap minit diserang batuk. Namun Si Ganuk selalu berkata, “Habislah, habislah kita oleh si Lontongan, si Lontongan itu jahat sangat, tapi nanti kau Lontongan!”

(Susunan semula daripada *Tangon: Si Ganuk*, 2020)

Petikan 1 menunjukkan sifat keberanian yang ada dalam hati Si Ganuk. Keberanian watak dalam cerita rakyat ini selaras dengan semangat masyarakat suku ini yang mewarisi sikap tidak mudah mengalah.

Sehubungan dengan itu, bersesuaian dengan Pendekataan Gunaan yang menganggap sastera merupakan salah satu daripada objek alam, iaitu objek ciptaan manusia. Sastera harus dilihat kejadiannya sebagai mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu (Hashim Awang, 2002). Objek seperti ubi kayu, ayam, rotan dan pohon telah dicipta dengan sebab dan hikmahnya. Cerita rakyat ini memperlihatkan tumbuh-tumbuhan dan haiwan sebagai sumber kehidupan. Setiap kejadian dalam cerita ini mempunyai sebab dan hikmah yang boleh dimanfaatkan untuk mengukuhkan nilai-nilai kepahlawanan. Penyakit batu kering yang dihidapi Si Ganuk juga mempunyai hikmah tersendiri. Misalnya, dikatakan batu kering yang dimuntahkan oleh watak utama ini menyerupai sebiji mentimun. Mentimun yang dimuntahkan itu telah dimakan oleh pengikut Si Lontongan, yang mengakibatkan keracunan, lalu menyebabkan kematian.

Nilai kepahlawanan melalui kasih sayang

Kasih sayang didefinisikan sebagai perasaan cinta dan sayang dalam diri manusia untuk menyayangi antara satu sama lain. Menurut Norita Ariffin (dalam Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd. Sharifuddin Yusop, 2015), kasih sayang bermaksud perasaan halus dan belas kasihan yang timbul daripada hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya.

Sehubungan dengan itu, dalam cerita rakyat *Ih Sambarak om Tasu*, terdapat simbol haiwan iaitu anjing. Simbol binatang dapat ditafsirkan melalui Pendekatan Firasat sebagai mengandungi makna tersirat yang penemuannya itu hanya dapat dikerjakan melalui proses tafsir. Dengan menggunakan perbandingan, penggunaan ungkapan *tasu (anjing-anjing)* sebagai tanda dalam *tangon* ini juga dilihat berkait rapat dengan fungsi pemikiran sosiobudaya yang memainkan peranan dalam gambaran kerendahan (budaya) dan kepincangan perilaku dan sikap bagi sesetengah ahli masyarakat. Namun, dalam *tangon* ini, anjing-anjing yang tiba-tiba menjelma dan membantu Si Sambarak merupakan gambaran kepada kesetiaan dan kasih sayang. Hal ini disebabkan anjing-anjing jelmaan itulah yang membela keluarga miskin tersebut. Melalui belas kasihan anjing-anjing itu, taraf kehidupan keluarga yatim piatu tersebut meningkat dan tidak lagi menjadi bahan ejekan masyarakat kampungnya. Gambaran ini dapat dilihat dalam Petikan 2;

Petikan 2:

Hampir setiap malam Sambarak bermimpi tentang anjing yang menyerang mereka itu. Tetapi mimpi mereka malam itu, tentang anjing yang belum pernah dilihatnya. Tiba-tiba anjing itu bersuara, “Wahai anak, kami tidak akan mengapa-apakan kamu,” kata ibu anjing itu. ...malahan kami mahu ikut kamu pulang ke tempat kamu tinggal.” “Sambarak dan ibunya kini hidup senang, kerana dibantu oleh anjing-anjing ajaib itu. Harta benda mereka kini makin bertambah. Mereka sudah memiliki gong besar, kelengkapan dapur dan alat-alat pertanian. Semuanya di atas bantuan dan pertolongan anjing-anjing ajaib itu, terutama menjaga keselamatan mereka...”

(Susunan semula daripada *Tangon: Sambarak om Tasu*, 2020)

Petikan 2 menggambarkan perilaku positif bernuansa kasih sayang yang ditunjukkan oleh anjing-anjing yang datang dari kayangan. Pencerita *tangon* ini memperlihatkan usahanya menyalurkan persoalan jilai-nilai kemanusiaan dalam khalayak pendengar seperti rasa kasih sayang dan simpati. Keazaman anjing-anjing dari kayangan itu untuk turun ke dunia bagi membela nasib si yatim piatu Sambarak memperlihatkan nilai kasih sayang yang tinggi nilainya. Gambaran perilaku positif anjing-anjing ajaib itu merupakan perbuatan mulia yang sewajarnya menjadi teladan dan pengajaran oleh masyarakat pendengar dan pembaca dalam kehidupan

nyata. Nilai kasih sayang yang ditunjukkan oleh makhluk anjing itu merupakan manifestasi kehidupan sebenar. Golongan yang tertindas, pasti ada orang yang datang memberikan bantuan dan pembelaan. Sementara perlakuan yang jahat dan keji, boleh segera lenyap. Orang-orang yang tertindas tetap mempunyai kasih sayang sesama mereka, untuk membangkitkan semangat keberanian untuk terus hidup. Dalam tafsiran umum, anjing merupakan gambaran kepada nilai-nilai yang rendah tarafnya, sehinggakan seseorang menggelar sahabatnya sebagai anjing, sebagai suatu hinaan, tetapi dalam cerita ini makhluk anjing diangkat ke martabat yang tinggi. Dalam kalangan masyarakat, anjing merupakan binataan belaan yang membawa banyak manfaat seperti anjing digunakan dalam aktiviti memburu, menjaga keselamatan tuannya dan menjaga keselemanatan rumah, tetapi masih dipandang hina sebagai haiwan yang membawa banyak kekotoran. Contohnya, anjing-anjing orang kampunglah yang telah memporak-perandakan ketenangan Sambarak dan ibunya, apabila tiap kali sisa-sisa makan dilemparkan ke halaman rumahnya, dan semua anjing masyarakat itu membuat onar berebutan tulang atau seumpamanya.

*Tangon Sambarak om Tasu turut menyajikan persoalan yang mementingkan ciri-ciri kesetiaan dan tanggungjawab anak terhadap ibunya. Dalam keadaan apa pun tanggungjawab anak terhadap ibunya atau sebaliknya telah utuh dalam kalangan masyarakat Kimaragang. Begitu juga tanggungjawab pemimpin dalam sesebuah masyarakat (dalam konteks ini *Woyoon* (pemimpin ketua suku) terhadap kelompok masyarakatnya. Seorang pemimpin (*woyoon*) sewajarnya tidak membiarkan ahli masyarakatnya bertindak menindas ahli yang lebih lemah. Namun, dalam hal ini pemimpin kampung itu gagal dalam tugasnya. Misalnya, seorang *woyoon* seharusnya melarang ahlinya daripada bertindak melemparkan sisa tulang-tulang ke pondok Sambarak dan ibunya yang sering menyebabkan ketakutan kerana kegarangan anjing-anjing milik kelompok kampung tersebut. Sepatutnya seorang ketua perlu menunjukkan kasih sayang yang sama rata terhadap kelompok masyarakatnya. Seorang pemimpin sepatutnya mengamalkan beberapa petua dan amalan untuk mengukuhkan mutu kepimpinannya. Misalnya dalam konteks zaman dahulu, seorang pemimpin dalam suku tersebut perlu menguasai ilmu *pironok* bagi mengawal ahli-ahlinya dan sebagainya. Dalam hal ini, *pironok* ditafsirkan sebagai mantera yang dikenal*

masyarakat Dusun Kimaragang sebagai kata-kata yang digunakan oleh ketua masyarakat untuk mengawal ahli kumpulannya di bawah pimpinannya (Ain Apainah Yuni & Asmiaty Amat, 2019).

Sehubungan dengan itu, menerusi teori Pengkaedahan Melayu (2002), bersesuaian dengan pendekatan Moral, yang mana pendekatan ini dianggap sebagai suatu alat pendedahan kepada pelbagai kejadian alam yang memberi pengalaman hidup. Dalam hal ini, peristiwa penjelmaan anjing-anjing untuk membela keluarga Si Sambarak merupakan peristiwa yang memberi pengalaman hidup buat mereka anak-beranak. Hal ini juga jelas menggambarkan bahawa unsur alam, penokohan yang terdiri daripada haiwan, latar, ruang dan suasana di rimba yang digambarkan *tangon Sambarak om Tasu* merupakan alegori kepada kehidupan manusia di alam nyata. Dalam hal ini, Roslina Abu Bakar dan Eone van Engelenhoven (2016) merumuskan bahawa pelbagai persoalan seperti kepentingan alam serta hubungannya dengan masyarakat dan sistem nilai manusia disampaikan secara tersurat juga tersirat sebagai hiburan dan teladan dalam kalangan pendengar. Semua unsur dalam sebuah *tangon* mampu menjadi teladan dalam kalangan masyarakat moden.

Nilai kepahlawanan melalui ciri rela berkorban

Wikipedia Bahasa Melayu (2020) mendefinisikan rela sebagai kesediaan dengan senang hati dan tidak mengharapkan balasan atas perbuatannya, semuanya kerana atas kesedaran dan kemauhan sendiri. Sementara “berkorban” ditafsirkan sebagai memberikan segala sesuatu yang dimiliki sekalipun memberi kesan kepada diri sendiri seperti kehilangan nyawa. Rela berkorban juga ditafsirkan sebagai sikap dan perilaku yang dilakukan dengan ikhlas serta mendahuluikan orang lain daripada kepentingan peribadi (Nensilia Makrina Tana, Gisela Nuwa & Abdul Muis Kasim, 2020). Sikap rela berkorban adalah sikap yang mencerminkan adanya keikhlasan dalam memberikan sesuatu yang dimiliki kepada orang lain, meskipun akan mengakibatkan kerugian kepada diri sendiri, yakni ikhlas mendahuluikan kepentingan orang lain berbanding kepentingan kendiri.

Dalam *tangon Si Dampayak Pakou*, keazamannya untuk menyelamatkan kampungnya daripada serangan para pemburu kepala merupakan sikap rela berkorban yang bernilai tinggi. Aspek atau nilai kepahlawanannya tertonjol dalam cerita rakyat ini. Walaupun pada asasnya, ciri-ciri seorang pahlawan itu seharusnya mempunyai fizikal yang sempurna seperti bertubuh sasa, sihat dan tidak cacat, tetapi semua kekurangan yang ada dalam diri Si Dampayak Pakou bukan alasan untuk tidak berjuang. Si Dampayak Pakou yang mempunyai pinggul yang besar dan berat, yang menyusahkannya bergerak pantas, tetapi semangat kepahlawanannya masih tetap membara seperti yang tergambar dalam Petikan 3;

Petikan 3:

“Maka orang-orang kampung, terutama para *lalakou* terus mentertawakan Dampayak Pakou. Apakah tidak, pinggulnya yang besar menggelembir itu saja sudah menyusahkan dirinya apatah lagi melawan musuh yang datang. Ini ditambahkan lagi dengan sikapnya yang suka tidur dan makan sahaja.”

“Dampayak Pakou telah melakukan sesuatu yang ajaib. Bagaimanakah dia boleh melompat tinggi sedangkan pinggulnya teramat besar itu? Tanya salah seorang *lalakou* (pahlawan muda) itu. Tetapi *Woyoon* (Ketua suku) itu sedar dan mengetahui, Si Dampayak Pakou memang keturunan dari *lalakou* berani, tetapi dia saja yang suka merendahkan diri...”

(Tulisan semula daripada *Tangon: Si Dampayak Pakou*, 2020)

Berdasarkan Petikan 2, sumber menggambarkan sifat-sifat rela berkorban dalam diri Dampayak Pakou. *Lalakou* Dampayak Pakou menyembunyikan sifat kepahlawanannya melalui kekurangan dalam dirinya (berpinggul besar), yang menurut pentafsiran umum bahawa lelaki yang berpunggung besar tidak boleh melompat tinggi (dalam hal bertarung dengan musuh pemenggal kepala). Secara ironinya, sifat kepahlawanannya terbukti bukannya berdasarkan fizikal semata-mata tetapi faktor semangat dan tipu helah serta kebijaksanaan dalam sesuatu pertarungan. Biarpun kecacatan watak dalam cerita ini membataskannya dalam interaksi sosial, tetapi peranannya sebagai sebahagian daripada entiti masyarakat tersebut tetap berfungsi. Persoalan dan peristiwa berbentuk negatif yang disuguhkan oleh pengarang cerita ini merupakan permulaan bagi suatu kejayaan apabila

nilai kepahlawanan yang disembunyikan oleh watak utamanya telah menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kampung tersebut. Cerita rakyat ini telah memberikan teladan dan panduan kepada khalayak pendengar dalam menjalani kehidupan di alam nyata. Dalam erti kata yang lain, bahawa kekurangan seseorang itu bukan bererti tidak boleh diubah menjadi sesuatu yang memberi manfaat kepada orang lain.

Sehubungan dengan itu, bersesuaian dengan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 2002) dalam Pendekatan Moral telah memperlihatkan pelbagai ragam dan perlakuan manusia untuk dinilai aspek-aspek positif dan negatifnya sebagai perbandingan yang baik. Sebagai contoh, *tangon Si Dampayak Pakou* berupaya menyampaikan pelbagai ilmu dalam kalangan masyarakat pembaca sehingga menerbitkan nilai positif seperti rela berkorban sebagai teladan dalam kalangan masyarakat tersebut. Misalnya, kemenangan watak utamanya menewaskan musuh setempat merupakan kemenangan yang tidak diduga. Kejayaan watak utamanya membawa kejayaan dan keamanan ke atas kampungnya secara tidak langsung menyemai sikap positif dalam kalangan pendengar agar menghindari sifat bersangka buruk, dan haruslah saling menghormati, bersimpati dan belas kasihan.

Nilai kepahlawanan melalui semangat juang

Edwin Mirza (dalam Nensilia, Gisela & Abdul Muis, 2020) menjelaskan semangat juang merupakan sikap yang menunjukkan naluri dalam berjuang. Semangat juang timbul dari keinginan seseorang yang mendesak untuk mendapatkan sesuatu. Nilai semangat juang muncul dalam diri individu ketika dia menggunakan waktu yang ada dengan sebaik-baiknya untuk sesuatu kepentingan tanpa menyerah kalah kepada halangan.

Dalam *tangon Ih Sambarak om Tasu*, watak Sambarak beranggapan biarpun dia disisihkan, tanggungjawabnya terhadap kampungnya tetap menjadi suatu tuntutan. Tanggapan buruk masyarakat kampung ke atas dirinya bukan penghalang untuknya berjuang menentang musuh. Ciri-ciri semangat juang tertonjol dalam cerita rakyat ini. Melalui Pendekatan Firasat, kewujudan segerombolan anjing yang tiba-tiba muncul di hadapan watak

Sambarak merupakan suatu petanda perjuangan. Ciri-ciri semangat juang anjing-anjing tersebut dapat dilihat melalui tindakan mereka, memburu anjing-anjing “biasa” milik penduduk kampung yang banyak menyeka Sambarak dan ibunya sebelum itu. Penjelmaan anjing untuk membantu si yatim tersebut merupakan manifestasi rasa kemanusiaan untuk membantu yang lemah dan tertindas. Semangat kepahlawanan anjing-anjing jelmaan tersebut berhadapan dengan haiwan lain seperti buaya, beruang dan ular tedung merupakan ciri kepahlawanan positif iaitu menegakkan kebenaran dan nilai moral positif.

Petikan 4:

“Lalu orang yang meminjam anjing Sambarak itu berkata, “Cuba kau singgah dulu di sarang beruang itu.” Maka anjing ajaib itu pun meloncat menerkam beruang itu. Tetapi anjing itu tetap juga tidak mati. Anjing itu memang gagah dan ajaib!”

“Jadi, kata anjing-anjing itu hampir serentak. “Kami pergi dulu!” lalu meloncat ke atas lalu terbang. Rupanya anjing itu bukanlah anjing sebenar, tetapi haiwan itu adalah orang kayangan. Sambarak dan ibunya menangis sambil mendongak ke atas, namun hanya bayang-bayang anjing itu sahaja yang kelihatan.”

(Tulisan semula daripada *Tangon: Sambarak om Tasu*, 2020)

Berdasarkan Petikan 4, anjing-anjing itu digambarkan terus berjuang untuk menegakkan yang hak. Tindakan anjing yang dipinjam oleh orang kampung itu untuk melawan beruang, ular tedung dan buaya merupakan pernyataan tentang perjuangan. Kepatuhan untuk menuaikan apa yang diarahkan oleh orang kampung yang berniat jahat merupakan suatu tanggungjawab seperti yang diarahkan oleh ketua mereka (ibu anjing). Anjing yang dijadikan anjing pemburu telah membuktikan bahawa untuk memperoleh sesuatu yang diingini memerlukan tindakan dan semangat juang yang kuat biarpun nyawa mungkin terpaksa dikorbankan. Sehubungan dengan itu, menerusi teori Pengkaedahan Melayu (2002), bersesuaian dengan Pendekatan Moral, yang mana pendekatan ini dianggap sebagai suatu alat pendedahan kepada pelbagai persoalan yang bertujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat suku Kimaragang. Hal ini jelas menggambarkan masyarakat suku Kimaragang pada waktu itu sangat mementingkan semangat juang yang tinggi, biarpun dieksplotasi oleh orang-orang berniat jahat, tetapi tetap ingin membuktikan sikap tidak

suka menyerah kalah. Begitu juga kesetiaan dan berpegang teguh pada amanah tetap dipertahankan biarpun terpaksa mengorbankan diri. Perkara ini dapat dilihat melalui sikap anjing-anjing ajaib itu, yang mana tetap melaksanakan tugas yang sukar dan mengancam nyawa hanya kerana menjalankan amanah dan arahan Si Sambarak untuk membantu penduduk kampung tersebut. Lantaran itu, sikap semangat juang dan kesetiaan amat dituntut dalam amalan harian suku tersebut. Selain itu, gambaran betapa ada sebilangan ahli suku tersebut yang bersifat pembuli dan bersifat penentang, tetapi sikap yang ditunjukkan oleh anjing-anjing ajaib itu mungkin menjadi suatu pengajaran bagi mereka bahawa sikap kepahlawanan tulen tetap menjadi pilihan untuk terus hidup.

Nilai kepahlawanan melalui ciri keterbukaan

Keterbukaan menurut Wikipedia Bahasa Melayu (2020) adalah konsep atau falsafah menyeluruh yang dicirikan oleh penekanan pada ketelusan dan kerjasama. Dengan erti kata lain, keterbukaan merujuk kepada “kebolehaksesan pengetahuan, teknologi dan sumber lain; ketelusan tindakan; kebolehtelapan struktur organisasi; dan keterlibatan penyertaan.” Oleh itu, sikap terbuka adalah sikap untuk bersedia memeri pengetahuan atau informasi dan sikap untuk memberitahukan kepada pihak lain. Bersedia memberi dan menerima pandangan, pembaharuan dan kritikan selaras dengan kebenaran fakta norma masyarakat Malaysia.

Si Ganuk terbuka dengan pendapat ahli masyarakatnya bahawa untuk mengelakkan penduduk kampung dijangkiti oleh penyakit batuk keringnya, dia perlu menjauhi perkampungan itu. Oleh itu, watak ini dengan penuh kesedaran memencilkan diri di luar lingkungan masyarakatnya. Namun, dalam keterbukaannya itu dia tetap mempunyai hasrat dan keazaman untuk membuat suatu perubahan terhadap kampungnya yang kucar-kacir itu.

Dengan itu, Si Ganuk berlapang dada untuk menyelamatkan kampungnya dengan menggadai nyawanya (Mabin Kandok, 2020). Penyakit yang dihidapinya, batuk kering (ditafsirkan sebagai firasat kepada ketidaksempurnaan), biarpun pengalaman hidupnya amat perit kerana disisihkan oleh masyarakatnya, tetapi watak ini tetap ikhlas untuk

membebaskan kampungnya daripada kemusnahan berpanjangan. Si Ganuk mengakui akan kekurangan dirinya. Oleh hal yang demikian, dendamnya terhadap ahli masyarakatnya tidak pernah difikirkannya. Biarpun pengalaman itu menyamai seperti suatu kejadian ‘mimpi’ yang ternyata amat misteri sifatnya, iaitu bersifat zahir dan batin. Biarpun hidupnya terumbang-ambing tetapi sifat patriotismenya untuk menghentikan ketidakteremanan kampungnya masih menjadi keutamaan. Watak ini melalui dan merasai rentetan pengalaman hidup yang dilalui dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai warna cabaran dan harapan.

Sehubungan dengan itu, bunyi ciapan burung *montik* menandakan nasibnya mungkin baik dalam usahanya untuk memburu Si Lontongan, petanda kejayaannya mulai menampakkan bayangan melalui sapaan burung *montik* di awal perjalanannya. Perlambangan *burung montik* yang dapat ditafsirkan melalui Pendekatan Firasat bahawa hidup ini merupakan suatu upaya untuk mencari sesuatu yang bermakna untuk memenuhi tuntutan hidupnya. Untuk mencapainya, segala kemahiran, fikiran dan tipu helah diperlukan untuk mencapai sesuatu hajat bagi memenuhi tabii manusia. Dalam tafsiran yang lebih “misteri”, Si Ganuk sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai impiannya. Dalam hal ini, kesungguhan dan kebijaksanaan amat diperlukan, biarpun tindakan yang perlu dibuat mendapat ejekan dan ketidakyakinan masyarakat kampung. Berlainan dengan nasib Si Lontongan, mimpi yang dialaminya sebelum pertembungannya dengan Si Ganuk merupakan petanda kepada kekalahannya, seperti yang dipaparkan pada Petikan 5 *tangon* yang berikut:

Petikan 5:

“Pada masa itu, Lontongan sedang diubati dengan cara pagan, kerana kononnya dia selalu saja mendapat mimpi yang buruk. Seekor ayam jantan putih telah dikorbankan.”

(Tulisan semula daripada *Tangon: Si Ganuk*, 2020)

Dalam Petikan 5, peranan mimpi digambarkan sebagai petanda dalam tindakan sehari-harian yang amat mempengaruhi suku tersebut. Ternyata, cerita rakyat ini menggunakan bahasa yang berlapis, pemakaian lambang, penamaan dan pemerian sifat watak, serta aspek penceritaan yang menarik dan mudah difahami. Cerita rakyat ini dipenuhi dengan penanda

atau alamat tertentu, yang terkandung dalam paparan pengisahan dan maklumat yang sudah tentunya melontarkan pemikiran yang lebih besar, bernilai dan berimpak tinggi.

Sehubungan dengan itu, melalui teori Pengkaedahan Melayu (2002), bersesuaian dengan Pendekatan Firasat yang mana pendekatan ini dianggap sebagai suatu alat pendedahan kepada pelbagai persoalan yang bertujuan untuk mencari makna melalui lambang. Hal ini jelas menggambarkan masyarakat Kimaragang pada zaman dulu masih berpegang kepada kepercayaan animisme. Lambang burung *montik* merupakan simbol atau petanda kepada kegagalan atau kejayaan, bergantung kepada alunan bunyinya (Mabin Kandok, 2020). Larangan turun ke tanah sewaktu dalam tempoh berpantang kerana kenduri tolak bala merupakan suatu gambaran tentang hubungannya dengan persekitaran mereka. Alam sekitar merupakan sumber kehidupan mereka. Apapun yang hidup di persekitaran mereka merupakan petanda bagi setiap tindakan, sama ada yang baik atau buruk. Keengganan menghormati alam boleh membawa bala atau bencana. Begitu juga sebaliknya, apabila beradaptasi dengan alam secara baik boleh membawa pulangan yang baik bagi kehidupan mereka. Misalnya, keengganan Si Lontongan untuk mematuhi tempoh pantang kenduri tolak balanya (supaya tidak turun ke tanah), mengakibatkan dia tewas di tangan Ganuk.

RUMUSAN

Berdasarkan pandangan sesetengah pihak bahawa cerita rakyat pada zaman moden ini tidak lagi relevan bagi menerapkan nilai kepahlawanan dalam jiwa generasi baharu. Cerita rakyat dianggap bersifat tahuul dan penuh pembohongan, di samping kurangnya minat golongan muda terhadap genre itu. Meskipun demikian, hasil kajian ini mendapati banyak nilai kepahlawanan dalam *tangon* suku Kimaragang yang sangat berkait dengan semangat dan corak kehidupan suku kaum ini sejak dahulukala. Nilai-nilai baik lazimnya memberi gambaran memahami sifat baik sesuatu masyarakat keseluruhannya seperti mana juga yang tergambar dalam puisi-puisi Melayu tradisional (Abdul Halim Ali, 2016).

Dapat juga diramalkan bahawa kisah-kisah dalam *tangon* (cerita rakyat) suku Kimaragang memperlihatkan kesungguhan generasi terdahulu dalam menyampaikan perutusan pemikiran mereka khususnya dari sudut kepahlawanan yang dapat memberi gambaran kehebatan mereka. Secara umum, nilai kepahlawanan yang disampaikan melalui *tangon* yang boleh memberikan pengajaran kepada pendengar; memberikan kesedaran bermasyarakat yang berguna khususnya generasi muda suku Kimaragang itu sendiri. Kefahaman para penglahir *tangon* tentang aspek-aspek budaya masyarakat yang digambarkan melalui perlambangan dan simbol telah menjadikan nilai-nilai kepahlawanan dalam *tangon* sebagai gambaran kehidupan sebenar dan amat signifikan dalam membentuk seseorang untuk memiliki peribadi yang teguh, berani dan dapat dijadikan teladan. Apatah lagi dalam waktu dunia pada masa kini sedang dilanda arus teknologi maklumat seperti mana yang ditegaskan oleh (Abdul Halim Ali *et al.*, 2020) bahawa sastera Melayu perlu dilihat sentiasa sesuai dan fleksibel dengan perubahan semasa khususnya dalam era informasi.

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa *tangon* telah digunakan untuk menyemai dan menyuburkan sikap kepahlawanan dalam masyarakat kini. Nilai-nilai kepahlawanan dalam *tangon* (cerita rakyat) yang diketengahkan itu memiliki nilai keberanian, kasih sayang, rela berkorban dan keterbukaan yang dapat menyemai unsur moral, motivasi dan keharmonian dalam realiti kehidupan. Dengan yang demikian, nilai-nilai kepahlawanan yang berunsur positif itu amat bersesuaian untuk melahirkan insan yang gigih berusaha, bersemangat waja dan tidak mudah menyerah kalah walau dalam apapun keadaan demi kelangsungan hidup. Oleh itu, tradisi lisan ini wajar diserap dan diupayakan sebagai bahan-bahan dalam aktiviti pengayaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah kerana dapat memainkan peranan penting dalam membentuk budi perkerti yang mulia, jati diri, bermotivasi tinggi dan melahirkan golongan yang terus menghargai khazanah bangsa.

RUJUKAN

- A. Halim Ali. (2018). *Inti sari teori sastera: Barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- A. Halim Ali. (2019). *Pengetahuan asas penyelidikan dalam Kesusastraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications.
- Abdul Halim Ali. (2013). *Bingkisan sastera*. Selayang Baru: Diwangsa Publications & Distributors.
- Abdul Halim Ali. (2016). *Ikhtisar teori & kritikan sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Profesional Baharu.
- Abdul Halim Ali. (2016). *Mendekati puisi Melayu tradisional*. Tanjung Malim: Profesional Baharu.
- Abdul Halim Ali, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin, Mazdi Marzuki & Miftachul Huda. (2020). Digital approach of Malay Literature through Interactive Computer Method (ICM): A Proposed framework model. *Solid State Technology*, 63(6), 12651-12666.
- Ain Apainah Yuni & Asmiaty Amat. (2019). *Pironok: Mantera pemimpin Dusun Kimaragang*. *Jurnal Gendang Alam*, 9.
- Al Ashadi Alimin & Saptiana Sulastri. (2018). Nilai keberanian dalam Novel Negeri di Hujung Tanduk karya Tere Liye. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 3 (1), 1-5.
- Arba'ie Sujud. (2008). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Baumeister, Roy F. & Bushman, Brad J. (2014). *Social psychology and human nature*. Belmont, CA: Cengage Learning.
- Dananjaja, J. (2002). *Folklor Indonesia: Ilmu gossip, dongeng dan lain-lain*. Jakarta: Gratifi.
- Dewi Rukmini. (2009). *Cerita rakyat Kabupaten Sragen (suatu kajian struktur dan nilai eduktif)*. Tesis Master (tidak diterbitkan). Universitas Sebelas Maret, Surakarta.
- Ezzah Afifah & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu dalam cerita lipur lara. *Journal of Business and Social Development*, 3.
- Hamdan Yahya. (2012). *Pemikiran Keris Mas dalam Rimba Harapan: Kerangka Pengkaedahan Melayu. Dalam pemikiran Sasterawan Negara Keris Mas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya*. Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun.
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Wikipedia_Bahasa_Melayu, keterbukaan, dimuat turun pada 25 Mei 2020.
- Low Kok On. (2005). *Membaca mitos dan legenda Kadazandusun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Minah Sintian. (2014). *Amalan Memotong Kepala dalam Masyarakat Primitif Kadazandusun: Survival atau Budaya?* Dimuat naik daripada https://www.researchgate.net/publication/272357494_Amalan_Memotong_Kepala_dalam_Masyarakat_Primitif_Kadazandusun_Survival_atau_Budaya
- Minah Sintian. (2019). Nilai-nilai kearifan lokal dalam cerita rakyat Kadazandusun. Dlm. *Kesusasteraan & Kebudayaan Borneo*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 25-42
- Mohamad Mokhtar Hassan (2005) *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Sosial Development*, 4(2), 48-57.
- Muhammad Haji Salleh (2002) *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nensilia Makrina Tana, Gisela Nuwa & Abdul Muis Kasim. (2020). Menggali nilai-nilai kepahlawanan Mo'an Teka Iku ditinjau dari aspek Pembelajaran PKn. *Jurnal Bhineka Tunggal Ika*, 7, 134-142.
- Norjetta Julita Taisin. (2015). Aspek metafora dalam pantun (Sundawil) tradisional Kadazandusun dalam aspek percintaan dan kasih sayang. *Seminar foklor Nusantara. JKKN Perlis Indera Kayangan*.
- Nur Kayati (2017) Nilai Kepahlawanan dalam Novel Hanoman Karya Pitoyo Amrih Pendekatan Sosiologi Sastra dan Implementasinya sebagai Bahan Ajar Sastra di SD. *Jurnal Stalistika*, 3, (2), 49 – 58.
- Roslina Abu Bakar & Aone van Engelenhoven. (2016). Alam dan budaya masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*, 1, 20-49.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). Jati diri Melayu dalam Kumpulan Puisi terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 7, 47-63
- Zainal Kling. (1980). Sistem nilai tradisi Melayu. *Kertas Kerja Seminar Nilai dan Norma Masyarakat Melayu*. Kota Kinabalu, 10-11 Mac 1980.

Informan Kajian

- Benson Tuyundo (2021). Masyarakat Kimaragang. Kampung Salimandut, Kota Marudu.
- Mabin Kandok (2020). Masyarakat Kimaragang. Kampung Longob, Kota Marudu.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)

